

IMPLIKASI PENERBITAN MUSHAF AL-QURAN DI MALAYSIA *THE IMPLICATION OF AL-QURAN PUBLICATION IN MALAYSIA*

SHAHARUDDIN PANGILUN,¹ DR. FARHAH ZAIDAR RAMLI,² ROHANA ZAKARIA¹
DAN MUHAMMAD SYAFEE SALIHIN HASAN¹

¹ Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qira'at, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

² Jabatan Al-Quran Dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Penulis Penghubung: Shahrudin Pangilun. Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qira'at, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. (+06 011 1084 7179), Email: shahrudin.pangilun@kuis.edu.my

Artikel diterima: 20 DIS 2020

Selepas Pembedaan: 25 DIS 2020

Diterima untuk terbit: 31 DIS 2020

ABSTRAK

Mutakhir ini kesedaran akan kepentingan al-Quran dalam kehidupan sebagai orang Islam di Malaysia semakin mendalam dan mendapat tempat dalam kalangan mereka. Pertambahan jumlah penduduk Islam yang semakin ramai, mendorong permintaan terhadap al-Quran di Malaysia semakin meningkat. Permintaan yang tinggi tersebut telah mencetuskan pelbagai reka bentuk dan inovasi cetakan dengan pelbagai matlamat dan tujuan penerbitan al-Quran yang menarik, sehingga menimbulkan persoalan sejauhmana kesahihan mushaf itu dapat terus dikekalkan kesucian serta terjamin keasliannya. Justeru itu, terdapat keperluan mendesak untuk dilakukan penyelidikan dan pemeliharaan terhadap hal ehwal penerbitan mushaf al-Quran pada masa kini. Tambahan pula sikap masyarakat kontemporari yang kurang berminat tentang latar belakang penerbitan sesebuah mushaf al-Quran sehingga menyebabkan mereka kurang arif terhadap jenis atau versi mushaf al-Quran yang sewajarnya mereka gunakan. Artikel ini bertujuan untuk mendedahkan perkembangan penerbitan al-Quran di Malaysia berdasarkan metode analisis dokumen terhadap sumber-sumber perpustakaan berkaitan dan sumber-sumber utama daripada pihak berkuasa iaitu PQ. KDN. Kesimpulannya Malaysia didapati telah mengunapakai pelbagai reka bentuk al-Quran atau cetakan mushaf al-Quran seiring dengan perkembangan zaman bermula daripada salinan secara tradisional sehinggalah penerbitan al-Quran yang mengaplikasikan teknologi tinggi lagi kontemporari. Cetakan dan penerbitan mushaf atau bentuk perisian digital al-Quran yang tersebar di Malaysia adalah masih kekal berkualiti dan tulen kerana ianya terikat dengan undang-undang serta dipantau dari masa ke semasa daripada organisasi Kerajaan Malaysia.

Kata kunci: Penerbitan; al-Quran; KDN; Rasm 'Uthmani; Rasm Imalai

Recently, the awareness of the importance of al-Quran in life as Muslims in Malaysia has been deepening and gaining a place among them. The growing number of Muslim population has led to the growing demand for the al-Quran in Malaysia. The high demand has sparked various printing designs and innovations with a variety of interesting goals and purposes for the publication of the al-Quran, thus raising the question of how far the legitimacy of the mushaf can be maintained in term of its purity and authenticity assurance. Hence, there is an urgent need for research and preservation of the current affairs of al-Quran publication. Furthermore, the attitude of the contemporary society whom less interested on the background of the al-Quran publication causes them being less knowledgeable on the Quranic type or version should be used. This article aims to expose the development of the al-Quran publication in Malaysia based on the method of document analysis on the relevant library and prime resources from the authorities namely PQ. KDN. In conclusion, this article found that Malaysia had applied various Quranic designs or prints in line with the evolution of times ranging from traditional copies to the production of the Quran that implements high technology and contemporary. The mushaf prints and publications or Quranic digital software scattered in Malaysia are remain in good quality and genuine because they are bound by law and monitored from time to time from the organizations of Malaysian government.

Keywords: Publication; al-Quran; KDN; Rasm 'Uthmani; Rasm Imalai

1.0 Pengenalan

Secara realitinya kewujudan komuniti yang berpegang kepada agama Islam secara langsung atau tidak langsung menjadi pertunjuk akan keperluan kepada penerbitan mushaf al-Quran, sama ada melalui penerbitan secara tradisional atau melalui percetakan atau aplikasi teknologi moden. Oleh itu amat menarik dalam kajian ini, untuk melihat sejarah perkembangan dan penyebaran agama Islam yang akan membawa petunjuk kepada perkembangan penerbitan mushaf atau aplikasi al-Quran di Nusantara. Lebih-lebih lagi Malaysia sering dikaitkan dengan komuniti Islam dan sumber penerbitan dan penyebaran mushaf al-Quran selain daripada Indonesia, Berunei, Singapura dan Thailand (Ali Akbar, 2011).

2.0 Latar Belakang Kajian

Pada peringkat awal penerbitan al-Quran bermula secara tradisi iaitu diperbanyakkan salinan mushaf oleh penulis-penulis khat dan berterusan sehingga muncul mesin cetak yang dicipta di Eropah (Mohd Asmadi Yaakob, 2014). Namun masih terdapat banyak kekurangan dan kelemahan yang menimbulkan keraguan di kalangan umat Islam ketika itu. Pada tahun 1431 di kota Hamburg Jerman, al-Quran mula dicetak pertama kali menggunakan mesin cetak dan seterusnya dicetakan pula di Italia pada abad ke-16 Masihi (Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Quran, 2012).

Pada tahun 1890, al-Quran cetakan Mesir yang diperhalusi oleh Syeikh Ridhwan bin Muhammad al-Mukhallilati diterbitkan. Mushaf ini diterbitkan dengan kata-kata pendahuluan yang sempurna, di mana menjelaskan bahawa mushaf ini ditulis menurut *rasm* dan tanda-tanda yang tercatat menurut kitab *al-Muqni'* karya Imam al-Dani dan

kitab *al-Tanzil* karya Imam Abu Daud. Dalam mushaf ini menjelaskan secara ringkas tentang sejarah pengkajian al-Quran dan perbahasan *rasm* serta *dhabt*. Seterusnya pada tahun 1918 al-Quran cetakan Kementerian Pendidikan (*Wizaratul Ma'arif*) Mesir pula mula diterbitkan, di mana ia telah ditashih oleh para ulama al-Azhar. Pada tahun 1923, Raja Fuad I membentuk kumpulan pentashih al-Quran kalangan ulama-ulama al-Azhar. Pada tahun-tahun berikutnya Universiti al-Azhar membentuk kumpulan sendiri untuk mengawal pencetakan al-Quran di Mesir (Abdul Fattah al-Qadi, 1994).

Walaupun syarikat-syarikat percetakan mushaf al-Quran yang bermula di Mesir dan diikuti oleh negara-negara Islam lain berusaha dan berlumba-lumba mengelokkan reka bentuk mushaf al-Quran yang diterbitkan oleh masing-masing sehingga lahir mushaf al-Quran pelbagai jenis reka bentuk dengan beraneka warna dan ukuran. Namun jarang didapati syarikat yang berusaha menerbitkannya menurut kaedah-kaedah tulisan *Rasm Uthmani* yang dihimpun dan ditulis pada zaman Khalifah Uthman bin Affan R.A., malahan kebanyakannya dicetak dan diterbitkan menurut kaedah ejaan-ejaan baru (*Rasm Imla'i*), kecuali sedikit benar perkataan-perkataan yang masih dicetak menurut kaedah *Rasm Uthmani* (Abdul Fattah al-Qadi, 1999).

3.0 Permasalahan Kajian

Pada dasarnya Akta 326 yang sedia ada ini ditubuhkan bagi membendung masalah yang berlaku di dalam usaha penerbitan dan penyebaran mashaf di Malaysia. Namun begitu sejajar dengan peredaran masa, menjadi suatu tanda tanya sejauh manakah keberkesanan APTQ dalam memastikan keaslian mushaf al-Quran terus terkawal dan terpelihara keharmonian. Hal ini menjadi suatu kerisauan apabila munculnya isu di mana, terdapat 2,648 salinan al-Quran bernilai RM157,489.60 dirampas antara Januari dan April tahun ini. Malah, sejumlah 5,196 salinan Al-Quran yang mempunyai kesilapan juga dilupuskan dalam tempoh berkenaan (Peraktoday, 2017).

Bukan itu sahaja, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti cabaran dan masalah dalam menguatkuasakan APTQ ini dalam memelihara kemurnian dan keaslian mushaf al-Quran. Pada 18 Februari 2016, Tan Sri Dato' Seri (Dr) Hj. Harussani bin Hj. Zakaria selaku Pengerusi LPPPQ, telah buat kenyataan bahawa sejak akhir-akhir ini LPPPQ telah mengesan terdapat penjualan naskhah al-Quran yang diimport tanpa kelulusan Lembaga dan didapati dijual secara meluas termasuk secara atas talian (*online*). Sebagai contoh mushaf al-Quran yang di namakan dengan *Mushaf al-Quran al-Wasim* dan *Mushaf al-Quran al-Mumayyaz* di dapati mengandungi dua kesalahan iaitu menggunakan *Rasm Imla'i* dan menggunakan tulisan rumi dalam penulisan ayat-ayat al-Quran. Di mana pihak Lembaga Pengawalan Pelesenan Penerbitan Teks Al-Quran (LPPPQ) telah menetapkan dasar bahawa penggunaan *Rasm Imla'i* adalah tidak dibenarkan (KDN, 2018).

Manakala Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi selaku Menteri Dalam Negeri menegaskan supaya melihat kembali Akta Percetakan Teks al-Quran 1986 yang diperuntukkan, bagi menguatkuasakan undang-undang terhadap pihak yang menyalahgunakan ayat suci tersebut bagi tujuan tertentu (Hamidi, 2014). Abd Rahman Abdul Ghani (2009) menyatakan bahawa masih ramai lagi individu-individu tertentu yang masih gemar menggunakan mashaf yang tidak berpandukan *Rasm Uthmani*

sepenuhnya atau mushaf yang mempunyai tanda-tanda yang boleh mengelirukan ketika membaca al-Quran. Beliau juga menyatakan bahawa individu-individu tersebut tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya kerana sekiranya mereka diberi pilihan sudah tentu kebanyakan mereka memilih akan menggunakan atau membaca mashaf tersebut kerana itulah yang selalu mereka baca dan pelajari semenjak dahulu (Abdul Rahman, 2009).

Oleh itu pengkaji juga turut tertarik untuk memahami, meneliti dan mendalami tentang kekeliruan dalam memahami dua metode *Rasm Uthmani* dan *Rasm Imla'i* yang digunakan. Di mana ia menjadi penyumbang kepada kurang kefahaman tentang perbezaan antara al-Quran yang mengguna pakai *Rasm Uthmani* dengan al-Quran *Rasm Imla'i* yang telah menimbulkan salah faham tentang kesucian dan kemukjizatan al-Quran. Suatu rumusan yang menarik diperolehi hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Daud dan Asyraf (2013) menyatakan bahawa *Rasm Imla'i* suatu bentuk mushaf al-Quran yang tidak wajar diterima pakai oleh masyarakat Islam di Malaysia untuk pembacaan (Daud Ismail & Asyraf Ab. Rahman, 2013). Seterusnya pengkaji membahaskan sejauh manakah keutamaan beramal di kalangan masyarakat Islam terhadap al-Quran yang menggunakan *Rasm Uthmani* dengan al-Quran *Rasm Imla'i* menjadi faktor kepada pengkaji untuk membuat penyelidikan ini. Akhirnya akan dapat diperjelaskan tentang perbezaan metode *Rasm Uthmani* dengan al-Quran *Rasm Imla'i*.

4.0 Metodologi Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kawalan penerbitan dan penyebaran mushaf al-Quran di Malaysia. Instrumen pengumpulan data kajian adalah menerusi metode analisis dokumen terhadap sumber-sumber perpustakaan berkaitan dan juga dokumen serta data daripada Kementerian Dalam Negeri. Dapatan dan perbincangan kajian dianalisis secara historikal dan deskriptif. Subjek kajian adalah dibataskan kepada tinjauan penerbitan dan penyebaran mushaf al-Quran di Malaysia.

5.0 Dapatan Dan Perbincangan Kajian

Pengajian al-Quran dalam masyarakat Islam pada awal kedatangan Islam di Malaysia adalah bermula secara lisan sahaja dan tanpa mushaf. Para pelajar mendengar dan mengikut bacaan guru secara *talaqqi* dan *mushafahah* sehingga dapat dibaca dan dihafal dengan sempurna (Daud Ismail & Asyraf Ab. Rahman, 2013). Menurut Ali Akbar (2011) merupakan seorang pengkaji manuskrip kuno Indonesia, menyatakan sekitar tahun 1930-an Syarikat Penerbit Sulaiman Mar'i berpusat di Singapura dan Penang telah menerbitkan mushaf cetakan Bombay bertahun-tahun lamanya. Beberapa jenis mashaf berhuruf tebal itu digunakan oleh masyarakat Islam di Asia Tenggara, terutama hingga tahun 1970-an. Penerbitan dan penyebaran mushaf cetakan Singapura dapat dilihat dan telah ditemui di Palembang, Jakarta, Surakarta, Bali, Palu, Maluku, dan Johor. Sementara mushaf cetakan Bombay dijumpai juga di Palembang, Demak, Madura, Lombok, Bima, dan Filipina Selatan. Mushaf ini disebarikan secara meluas dan ia adalah cetakan daripada Singapura dan Bombay (Ali Akbar, 2011).

Kebanyakan pengajian al-Quran pada zaman ini dilakukan di rumah para pendakwah atau guru al-Quran. Pengajian tersebut kemudiannya dilaksanakan dengan menggunakan *Mushaf Rasm Imla'i* atau juga dikenali sebagai Quran Majid yang dipercayai dicetak di Bombay, India. Mushaf Quran Majid ini telah dibawa oleh para

mubaligh dari India. Seterusnya ia digunapakai untuk pengajian al-Quran secara meluas di madrasah, surau, masjid dan pusat pengajian pondok (Daud Ismail & Asyraf Ab. Rahman, 2013). Pandangan Engku Alwi turut disokong oleh Dr. Khairul Anuar Muhamad al-Bakri (2014), di mana kebanyakan mushaf yang terdapat di rumah-rumah dan masjid-masjid kalangan masyarakat Islam negara ini datangnya dari India dan Mesir. Malahan, terdapat juga kalangan mereka yang membaca al-Quran dengan menggunakan mushaf yang diperolehi ketika mengerjakan ibadat haji di tanah suci Mekah (Dr. Khairul Anuar, 2014).

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa permulaan penerbitan mushaf al-Quran di Malaysia telah diasaskan oleh Salleh Nahdi dengan penubuhan Maktabah al-Mu'arif yang terletak di Pulau Pinang pada tahun 1964. Di mana tujuan asal penubuhan maktabah ini adalah untuk menerbitkan kitab-kitab agama dalam bahasa Melayu dan Arab. Setelah itu muncul Syarikat Penerbit Syimal yang telah menerbitkan mushaf al-Quran yang diberi nama al-Quran al-Karim pada tahun 1983. Penggunaan *Mushaf al-Quran Rasm Uthmani* di Malaysia mula tersebar secara drastik pada awal tahun 1980-an menerusi sumbangan wakaf oleh kerajaan Arab Saudi kepada kerajaan dan masyarakat Islam di Malaysia. Mushaf tersebut terkenal dengan panggilan *Mushaf al-Madinah al-Nabawiyah* (Daud Ismail & Asyraf Ab. Rahman, 2013).

Di Malaysia, pada 8 Februari 1984 dalam persidangan Majlis Raja-Raja Melayu kali ke-129, telah mengeluarkan satu resolusi agar peruntukan undang-undang digubal bagi maksud menangani masalah penggunaan mushaf al-Quran apabila didapati rungutan dan aduan orang ramai terhadap pencemaran al-Quran terutamanya dari sudut penyusunan, penulisan dan lain-lain lagi (KDN, 2012). Akta Pencetakan Teks al-Quran telah digubal dan akta tersebut telah diwartakan pada 15 Mei 1986. Kemudiannya diikuti pula dengan penggubalan Akta A 1023, iaitu Akta Pencetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 1998, yang diwartakan pada 1 Julai 1998. Akta tersebut mengandungi 25 seksyen yang merangkumi peruntukan pengurusan, pencetakan mushaf al-Quran, penguatkuasaan dan perkara-perkara berkaitan. Seksyen 14 Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 umpamanya berbunyi:

“Tiada seorang pun boleh mencetak atau menerbitkan sesuatu teks al-Quran atau bahan al-Quran yang mengandungi apa-apa kesilapan berkenaan dengan sesuatu ayat al-Quran di dalamnya”
(KDN, 2008).

Berdasarkan daripada Akta 326 tersebut, tiga unit berikut telah ditubuhkan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dalam memelihara dan menjaga keaslian al-Quran *Rasm Uthmani* iaitu Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran (LPPPQ), Lajnah Tashih Al-Quran (LTQ) dan Urus setia Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan al-Quran (Daud Ismail & Asyraf Ab. Rahman, 2013).

5.1 Lembaga Pengawasan dan Pelesenan Pencetakan al-Quran

Lembaga ini ditubuhkan pada tahun 1987 dan keanggotaannya terdiri daripada kalangan mufti-mufti dan kadi besar yang mewakili setiap negeri di Malaysia (Abdul Rahman, 2009). Antara tugas dan tanggungjawab jawatan kuasa ini, menerima, menimbang atau menolak permohonan lesen mencetak atau menerbitkan teks al-Quran, memperakui prof akhir teks al-Quran iaitu cetakan percubaan yang perlu dibandingkan dengan manuskrip asal untuk penelitan kesalahan cetakan dan lain-lain dan menerima, menimbang dan memperakui permohonan mengimport teks al-Quran secara bertulis bahawa kandungan teks al-Quran adalah betul (KDN, 2012). Di mana pihak Lembaga Pengawasan Pelesenan Penerbitan Teks Al-Quran (LPPPQ) telah menetapkan dasar bahawa penggunaan *Rasm Imla'i* adalah tidak dibenarkan (LPPPQ, 2018).

Bermula dengan keanggotaan seramai 15 orang ahli, LPPPQ dipengerusi oleh Y. Bhg. Dato' Dr. Abd Hamid bin Othman selaku Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHAIS) ketika itu, kemudian beliau telah dilantik secara rasmi pada 8 Oktober 1987 yang dipengerusikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Datuk Azizan Zainol Abidin selaku Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (LPPQ, 1987). Pada tahun 2017, ketika kajian ini dilaksanakan LPPPQ di pengerusi oleh Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Zakaria dan antara ahli-ahli jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

- i. Dato' Haji Nooh bin Gadot (Penasihat Agama Islam Negeri Johor dan selaku Timbalan Pengerusi).
- ii. Dato' Haji Othman bin Mustapha (Ketua Pengarah JAKIM).
- iii. Dato' Setia Haji Mohd Tamyas bin Abd Wahid (Mufti Selangor).
- iv. Dato' Haji Mohammad Shukri bin Mohammad (Mufti Kelantan).
- v. Dato' Seri Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Osman (Mufti Pahang).

Hasil penelitian pengkaji terdapat sebanyak 52 syarikat telah mendapat kelulusan lesen mencetak teks atau bahan al-Quran sehingga 2016 (KDN, 2017) dan sebanyak 637 permohonan kelulusan prof akhir teks al-Quran sehingga 2017 telah diluluskan. Senarai ini mengandungi kelulusan prof teks al-Quran yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran, KDN. Prof akhir teks al-Quran terdiri daripada ayat-ayat al-Quran yang dalam bentuk cd rom, telefon pintar, al-Quran dalam bentuk pen digital, muqaddam, naskah al-Quran dan al-Quran digital (MAMPU, 2017).

5.2 Lajnah Tashih Al-Quran (LTQ)

Bagi membantu pelaksanaan proses semakan dan penilaian ayat-ayat al-Quran sebelum diperakui oleh LPPPQ, Lembaga Pengawasan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran (LPPPQ) dalam mesyuarat pertama kalinya pada 8 Oktober 1987 telah menubuhkan sebuah jawatankuasa pelaksana yang dikenali sebagai Lajnah Tashih Al-Quran (LTQ) (LPPPQ, 1988). Unit ini telah mula beroperasi pada tahun 1988.

Sebagai permulaan LTQ di anggotai oleh seramai 7 orang ahli sahaja. LPPPQ memutuskan juga dalam mesyuarat tersebut, penambahan ahli jawatankuasa LTQ boleh ditambah keahliannya mengikut keperluan semasa. Di mana mereka yang dilantik adalah pakar dalam bidang al-Quran yang terdiri daripada pelbagai sektor ketika itu. Senarai keanggotaan ahli jawatankuasa pertama adalah seperti berikut:

- i. Sheikh Sallehuddin bin Omar (Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat, JPM).
- ii. Sheikh Ismail bin Mohamed (Pengetua Maahad Tahfiz, Kuala Terengganu, Terengganu).
- iii. Sheikh Mehsin bin Haji Ahmad (Pensyarah Bahagian Al-Quran, UIA. Jalan Universiti, Petaling Jaya).
- iv. Sheikh Ahmad Badawi bin Abdullah (Pensyarah Jabatan Al-Quran dan As-Sunah, UKM. Bangi, Selangor).
- v. Ustaz Zainal Abidin bin Haji Ahmad (Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jering, K. Terengganu).
- vi. Sheikh Zaharuddin bin Haji Ahmad (Pensyarah Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat, JPM). Sheikh Abdullah Bukhari bin Abdul Rahman (Wakil Pulau Pinang).

Seramai 35 orang telah dilantik menganggotai LTQ ini. Satu piawaian telah ditetapkan dalam penyemakan al-Quran supaya ia lebih berkualiti, tepat serta lebih dipertanggungjawabkan, di samping menyelaraskan standard penyemakan di kalangan ahli-ahli Lajnah Tashih Al-Quran (KDN, 2012). Perlantikan keahlian LTQ ini adalah secara kontrak selama 2 tahun seperti pada tahun 2015 hingga 2016, LTQ dipengerusikan oleh Tn. Haji Azhari bin Othman dan pada 2017 hingga 2018 Dato' Sallehudin b. Omar telah dilantik sebagai Pengerusi LTQ. Antara senarai ahli-ahli jawatankuasa terkini adalah seperti berikut:

- i. Tn. Haji Azhari bin Othman
- ii. Dr. Khairul Anuar b. Mohammad
- iii. Kamarudin b. Komeng
- iv. Dr. Sedek b Ariffin
- v. Mohd Rahimi bin Ibrahim
- vi. Zulhazmi b Zakaria
- vii. Dato' Syekh Roslan bin Hj. Abd. Halim
- viii. Mohamed Tahir bin Abd. Manap
- ix. Kadri bin Abdul Hamid
- x. Ab Malek bin Ab Manaf

Berdasarkan pemerhatian dan penelitian pengkaji, didapati ahli Lajnah Tashih Al-Quran sependapat dengan pandangan *jumhur ulama* yang mewajibkan penulisan al-Quran hendaklah menggunakan metode *Rasm Uthmani* (KDN, 2012), di mana pendapat tersebut telah disepakati oleh kebanyakan *ulama salaf* dan *khalaf*. Di samping menjadikan *Mushaf Rasm Uthmani*, terbitan *Mujamma al-Malik Fahad Lithiba'ati al-Mushaf al-Syarif* sebagai sumber rujukan utama kepada ahli-ahli Lajnah Tashih Al-Quran, KDN. Seterusnya ahli-ahli Lajnah Tashih Al-Quran juga, mengambil pendirian untuk menerima pandangan dan pendapat *jumhur ulama* dalam pengamalan kaedah *dabt* (penandaan) dan kaedah *fasilah* (pemisah) yang terdapat seperti mushaf al-Quran terbitan KDN.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Unit Pengurusan Al-Quran, KDN dari 2011 hingga 2015 mendapati purata permohonan prof akhir yang telah disemak oleh ahli Lajnah hanya 11 peratus sahaja yang diterima oleh Lembaga dan sebanyak 50 peratus

diterima dengan pembetulan. Manakala 39 peratus ditolak kerana mengandungi kesalahan yang amat ketara. (LPPPQ, 2016).

5.3 Urusetia Lembaga Pengawalan Dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran

Bagi melaksanakan tanggungjawab pengurusan al-Quran, di bawah Unit Kawalan Al-Quran (UKQ) ditubuhkan pada tahun 1987. Urusetia LPPPQ mempunyai bidang kuasa dalam pentadbiran dan pengurusan Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Teks Al-Quran berpandukan undang-undang yang diperuntukkan. Misi dan objektif unit ini adalah memelihara kesejahteraan rakyat melalui pengawalseliaan dan penguatkuasaan terhadap bahan-bahan penerbitan, teks al-Quran dan hadis dan mengawal selia dan menguatkuasakan aktiviti percetakan dan pengedaran bahan-bahan penerbit serta memastikan kesahihan dan mencegah penyelewengan teks dan bahan al-Quran dan hadis.

Bagi memastikan operasi berjalan lancar sehingga masalah tersebut mampu ditangani segera KDN telah menubuhkan cawangan di setiap negeri iaitu; Caw. Kedah/Pelis, Caw. P.Pinang, Caw. Perak, Caw. Selangor, Caw. Negeri Sembilan/Melaka, Caw. Johor, Caw. Pahang, Caw. Terengganu, Caw. Kelantan, Caw. Sabah dan Caw. Serawak (LPPPQ, 2016). Mengikut peruntukan dalam undang-undang dan penubuhan badan-badan tersebut, kegiatan mengimport, mencetak dan seterusnya menjual mushaf terlarang dapat dibendung. Hanya *Mushaf al-Quran Rasm Uthmani* sahaja (Umar Mukhtar, 2017) telah diperakui untuk sebarang bentuk cetakan dan penerbitan. Mushaf-mushaf yang akan dicetak atau diimport untuk komersial dikehendaki dikemukakan kepada Lajnah Tashih Al-Quran untuk penyemakan dan mendapat kelulusan Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran. Bagi agensi, syarikat atau individu yang gagal berbuat demikian, boleh diambil tindakan mahkamah dan dikenakan hukuman sewajarnya. Melalui usaha-usaha yang dijalankan ini, keaslian *Mushaf al-Quran Rasm Uthmani* dapat dipelihara. Seterusnya budaya menggunakan *Mushaf al-Quran Rasm Uthmani* dalam kalangan masyarakat Islam negara ini dapat dijana dan dipertingkatkan.

5.4 Senarai Kelulusan Teks Al-Quran Di Malaysia

Bagi melaksanakan tanggungjawab memelihara keaslian *Mushaf Rasm Uthmani* di Malaysia, pewartaan Akta Pencetakan Teks al-Quran 1986 disusuli dengan penubuhan LPPPQ tahun 1987 dan Lajnah Tashih al-Quran pada tahun 1988, Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran, KDN telah meluluskan sebanyak 639 permohonan kelulusan prof akhir teks al-Quran bermula daripada tahun 1988 sehingga 2017. Kelulusan prof akhir teks al-Quran terdiri daripada ayat-ayat Quran dalam pelbagai bentuk seperti manuskrip al-Quran, CD ROM, telefon pintar, al-Quran dalam bentuk pen digital, muqaddam, iqra' dan al-Quran digital (MAMPU, 2017).

Peraturan kelulusan prof akhir al-Quran pelbagai bentuk dan jenis yang telah dikeluarkan oleh KDN daripada 1988 sehingga 2016. Berdasarkan jumlah keseluruhan iaitu sebanyak 679 kelulusan, pada tahun-tahun 1990-1995, 1996-1999 dan 2000-2005 kelulusan yang dikeluarkan oleh KDN agak setara dan tiada banyak perubahan iaitu antara 4.86 peratus hingga 5.01 dalam tempoh 5 tahun. Manakala 1988-1889

kelulusan hanya dikeluarkan sebanyak 6 kelulusan atau 0.88 peratus bagi tempoh 2 tahun sahaja.

Namun amat menarik pada tahun-tahun 2006 dan berikutnya, didapati kelulusan yang telah dikeluarkan pada tahun 2006-2010 dan 2011-2016 amat meningkat hampir 6 atau lebih kali ganda berbanding pada tahun 2000-2005 sebelumnya. Berdasarkan penelitian pengkaji, terdapat kemungkinan peningkatan ini atas dorongan minat dan keupayaan serta inovasi teknologi terkini menarik sesebuah syarikat untuk menerbit dan mencetak al-Quran. Di samping keperluan masyarakat Islam yang bertambah dan pihak syarikat penerbit atau pencetak memahami prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak KDN.

5.5 Bentuk Dan Jenis Mushaf Al-Quran Yang Mendapat Kelulusan

Berdasarkan kelulusan prof akhir teks al-Quran daripada 1988 sehingga 2016 iaitu sebanyak 679 yang telah mendapat kelulusan. Kelulusan untuk menerbitkan jenis teks al-Quran adalah sebanyak 321 kelulusan iaitu sebanyak 47.97 peratus kelulusan yang telah dikeluarkan oleh KDN berbanding dengan kelulusan jenis-jenis lain seperti jenis al-Quran digital 74 kelulusan iaitu 10.72 peratus, jenis terjemahan/tafsir sebanyak 162 kelulusan iaitu 23.62 peratus, jenis al-Quran bentuk dvd/cd/audio sebanyak 47 kelulusan iaitu 6.81 peratus, jenis surah-surah pilihan sebanyak 70 kelulusan iaitu 10.14 peratus dan jenis lain-lain (seperti buku teks) sebanyak 5 kelulusan iaitu 0.72 peratus. Pelbagai bentuk dan jenis mushaf al-Quran yang telah mendapat kelulusan daripada KDN, antaranya adalah seperti Jadual 1:-

Jadual 1: Kelulusan Bentuk Dan Jenis Mushaf Al-Quran Mutakhir

Bil	Nama & Jenis Mushaf	Syarikat Penerbit	Kelulusan
1	Al-Quran Al-Karim (Dgn Panduan Wakaf & Ibtida') Saiz:21.4cm x 29.2cm. 30 Juzuk	Telaga Biru Sdn Bhd. No.28, Jalan Tembaga SD 5/2A, Sri Damansara Industrial Park 52200 Kuala Lumpur	KDN.PQ.600-6/18/ 1.2/ QA /689/16/2 2016
2	Al-Quran Al-Karim (Tajwid Berwarna) Saiz: 17cm x 24cm, 30 Juzuk	Dewan Bahasa Dan Pustaka, Aras 10, Jabatan Penerbitan, Menara DBP Jalan Dewan Bahasa 50640 Kuala Lumpur.	KDN.PQ.600-6/18/ 1.2/QA /703/30/ 2016
3	Pen Digital Bacaan Sheikh Ayoub	Cold Touch Sdn Bhd. Jalan Permata 6, 53300 Kuala Lumpur	KDN:PQ/Q.1001/ 2.2/QC/584/53/ 2014
4	Pen Al-Quran Berkod dan Audio dengan bacaan Sheikh Abdul Baset	Usrah Cetak Sdn. Bhd. No.7, Jalan 2, Kaw. Perindustrian LEKAS 18, 43500 Semenyih, Selangor	KDN:PQ/Q.1001/ 2.2/QC/560/29/20 14
5	Tafsir Al-Quran Al-Karim (Tafsir Pedoman Muttaqin) Saiz: 21cm x 30cm	Bahagian Penerbitan JAKIM, Aras 4 Blok D9, Kompleks D Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62519 Putrajaya	KDN:PQ/Q.1001/ 1.2/QA /579/48/2014

5.6 Senarai Syarikat Penerbit/Pencetak yang Mendapat Kelulusan Dari KDN

Dalam penerbitan dan pencetakan al-Quran, Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran, KDN bertanggungjawab dalam memberikan kelulusan berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 5(1) yang bebunyi:-

“Tiada seorang pun boleh mencetak atau membantu dalam pencetakan, atau menerbitkan atau membantu dalam penerbitan, sesuatu teks al-Qur’an tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga, dan Lembaga boleh, menurut budi bicara mutlaknya, memberikan lesen itu, enggan memberikan lesen itu, atau membatalkan lesen itu, atau memberikan lesen itu tertakluk kepada syarat yang diendorkan pada lesen itu” (KDN, 2008)

Di mana larangan mana-mana individu atau syarikat penerbit/pencetak mencetak atau menerbitkan sesuatu teks al-Quran atau bahan al-Quran tanpa kelulusan daripada KDN. Bermula daripada tahun 1988 sehingga 2016 KDN telah meluluskan sebanyak 52 lesen mencetak teks al-Quran kepada syarikat-syarikat penerbit/pencetak (KDN, 2017). Antara syarikat-syarikat awal mendapat kelulusan mencetak atau menerbitkan al-Quran atau bahan al-Quran adalah seperti Jadual 2:-

Jadual 2: Syarikat Penerbit/Pencetak Mendapat kelulusan KDN

Bil	Nama &Alamat Syarikat	No. Siri Kelulusan	Tarikh Lulus	No. Lesen
1	Syarikat Percetakan An-Nahdi H 309, Jalan Perak 10150 Pulau Pinang	KDN.Q.913/(1)	6/1/1988	1
2	Syarikat Percetakan Al-Maa'rif Press, C-173, Jalan Sungai Pinang 10150 Pulau Pinang	KDN.Q.913(2)	6/1/1988	2
3	Percetakan Semasa Adn. Bhd. Lot No. 1277, Seksyen 66, Jalan Kemajuan 93714 Kuching, Sarawak	KDN.Q.03/642/11	6/15/1991	3
4	Syarikat S Abdul Majeed 2210 Malayan Mansion, Jalan Masjid India 50100 Kuala Lumpur	KDN.Q.03/642/11	6/1/1991	4
5	Poligraphic Press Sdn. Bhd. Lot Jalan 1 Kaw. Perusahaan Jaras, Jalan Balakong 43200 Kuala Lumpur	KDN.Q.03/642/11	10/1/1991	5

Manakala syarikat-syarikat penerbit/pencetak telah mendapat kelulusan mencetak atau menerbitkan al-Quran dan masih beroperasi, antaranya adalah seperti Jadual 3:-

Jadual 3: Syarikat Penerbit/ Pencetak Mendapat kelulusan KDN

Bil	Nama &Alamat Syarikat	No. Siri Kelulusan	Tarikh Lulus	No. Lesen
1	Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Lot SK 53, Kaw. Perindustrian Gong Badak 21300 Kuala Terengganu	KDN.Q(S)03/642/2/1.3/3/93	5/12/1993	10
2	Syarikat Percetakan Nasioanl Malaysia Berhad, Jalan Chan Sow Lin, 50554 Kuala Lumpur,	KDN.Q(S)03/642/2/1.3/1/98	12/9/1998	30
3	Darul Fikir Sdn. Bhd. No. 41, Jalan PBS 14/2, Taman Perindustrian bukit Serdang, 43300 Seri Kembangan, Selangor	KKDN(S):PQ/Q.1 001-63/1.3/1/20089	4/21/2009	41
4	Media Digital Printing Sdn. Bhd. No.12, Jalan 34/10A Taman Perindustrian IKS 68100 Batu Caves, Selangor	KDN(S):PQ/Q.10 01-5/1/1.3/1/2011	10/14/2011	44

6.0 Kesimpulan

Kewujudan komuniti yang beragama Islam, secara langsung atau tidak langsung menjadi petunjuk kepada keperluan penerbitan mushaf al-Quran sama ada melalui penerbitan secara tradisional atau melalui percetakan moden. Oleh itu sejarah perkembangan dan penyebaran agama Islam membawa petunjuk kepada perkembangan penerbitan mushaf al-Quran di Alam Melayu. Lebih-lebih lagi di negara di Nusantara yang sering dikaitkan dengan sumber penerbitan dan penyebaran mushaf al-Quran seperti di Indonesia dan Malaysia.

Berdasarkan pandangan jumhur ulama yang menetapkan hanya al-Quran *Rasm Uthmani* yang boleh diaplikasikan dan dikomersalkan, pihak kerajaan Malaysia telah menetapkan hanya al-Quran *Rasm Uthmani* yang boleh digunakan dan disebar dalam negara ini. Di mana ia seiring dengan kaedah *rasm* yang digunakan sejak zaman Rasulullah S.A.W., pada ketika itu segala permasalahan dan persoalan yang timbul di kalangan para sahabat R.A., mereka terus merujuk kepada baginda (Salman Zainal Abidin & Mazlan Ibrahim, 2018, p. 50). Namun keadaan pada hari ini sudah jauh berbeza. Oleh itu bagi memelihara dan mengekalkan ketulian serta keaslian al-Quran, perlu merujuk kembali kepada mushaf al-Quran yang telah disepakati oleh para sahabat R.A. dahulu.

Seterusnya bagi memastikan kesucian al-Quran sentiasa terpelihara dan terjaga kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif yang sangat wajar iaitu menyeragam dan menyelaraskan kaedah penulisan al-Quran di Malaysia. Ini dapat dilihat berdasarkan penguatkuasaan Akta Pencetakan Teks Al-Quran 326 (APTQ). Namun usaha ini tidak

akan mencapai hasrat kerajaan jika semua pihak dari segenap lapisan masyarakat tidak menyokong melakukan pelbagai usaha bagi memastikan al-Quran yang digunakan hari ini bebas dari sebarang kesalahan dan kesilapan.

Walau pun terdapat perbezaan garis panduan dan standard yang diamalkan di antara LPQ Republik Indonesia dan LTQ kerajaan Malaysia, disebabkan perbezaan pandangan dan amalan pihak-pihak bertanggungjawab, namun ia masih tidak menjejaskan keaslian dan ketulian bacaan al-Quran. Ini disebabkan bagi mendapatkan bacaan yang betul dan sahih perlu seseorang itu mempelajari al-Quran secara bertalqfi dan musyafahah dengan guru al-Quran bertauliah dan berkelayakan.

7.0 Bibliografi

- Abdul Fattah al-Qadi. (1994). *Tarikh al-Mushaf al-Syarif*. Mesir: Jumhuriyyah Misr al-'Arabiyyah al-Azhariyyah al-Syarif.
- Abdul Fattah al-Qadi. (1999). *Sejarah al-Quran*. (Ismail Mohd Hassan, Trans.) Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman, A. G. (2009). *Pemeliharaan Al-Quran: Kajian Di Unit Kawalan Teks Al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri*. Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ali Akbar. (2011). Pencetakan Mushaf Al-Quran di Indonesia. *Jurnal Suhuf*, 4(2), 271-287.
- Bernama. (2017, September 6). *Bukan semua teks Al-Quran boleh dipasarkan*. Retrieved April 27, 2019, from <https://www.freemalysiatoday.com/category/leisure/2017/09/06/bukan-semua-teks-al-quran-boleh-dipasarkan/>:
<https://www.freemalysiatoday.com/category/leisure/2017/09/06/bukan-semua-teks-al-quran-boleh-dipasarkan/>
- Daud Ismail & Asyraf Ab. Rahman. (2013). *Sejarah dan Perkembangan Mushaf Uthmani Di Malaysia*. Terengganu: Universiti Malaiysa Terengganu.
- Dr. Khairul Anuar, M. a.-B. (2014). Manhaj Lajnah Tashih wa Dabt wa Toba' wa Nasyr fi Wuzara' al-Dahiliah al-Malaziah. *Nadwah Toba'ah al-Quran al-Karim wa Nasyr baina al-Waqi' wa al-Ma'mul* (p. 2123). Mamlakah al-Arabiah al-Su'udiah: Wuzara' al-Syu'un al-Islam.
- Hamidi, D. A. (2014, April 15). *Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986 Akan Dipinda*. Retrieved April 27, 2019, from [https://www.mstar.com.m: https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/04/15/akta-percetakan-al-quran](https://www.mstar.com.m:https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/04/15/akta-percetakan-al-quran)
- KDN. (2008, Mei 15). *Akta 326 APTQ*. Retrieved April 27, 2019, from [http://www.moha.gov.my: http://www.moha.gov.my/images/maklumat_bahagian/PQ/AKTA326_APTQ.pdf](http://www.moha.gov.my:http://www.moha.gov.my/images/maklumat_bahagian/PQ/AKTA326_APTQ.pdf)
- KDN. (2012). *Panduan Rasm Uthmani* (5 ed.). Kuala Lumpur: Pencetakan Nasional Malaysia Berhad.
- KDN. (2017, Februari 20). *Senarai kelulusan syarikat mendapat lesen mencetak teks al-Quran*. Retrieved April 27, 2019, from [http://www.data.gov.my: sumber:http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/senarai-kelulusan-syarikat-mendapat-lesen-mencetak-teks-al-quran/resource/bc495f2c-3040-4d2b-8d684e5cbbb6d010/2017/2/20_11:35am](http://www.data.gov.my:sumber:http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/senarai-kelulusan-syarikat-mendapat-lesen-mencetak-teks-al-quran/resource/bc495f2c-3040-4d2b-8d684e5cbbb6d010/2017/2/20_11:35am).
- KDN. (2017, Februari 20). *Senarai kelulusan syarikat mendapat lesen mencetak teks al-Quran*. Retrieved April 29, 2018, from [http://www.data.gov.my: sumber:http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/senarai-kelulusan-syarikat-mendapat-lesen-](http://www.data.gov.my:sumber:http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/senarai-kelulusan-syarikat-mendapat-lesen-)

- mencetak-teks-al-quran/resource/bc495f2c-3040-4d2b-8d684e5cbbb6d010/2017/2/20_11:35am.
- KDN. (2018, Januari 26). *Penjualan dan pengedaran mashaf al-Quran yang tidak mendapat perakuan LPPPQ*. Retrieved Januari 26, 2018, from <http://www.moha.gov.my: http://www.moha.gov.my/index.php/ms/kenyataan-media-kdn/2758-penjualan-dan-pengedaran-mashaf-al-quran-yang-tidak-mendapat-perakuan-lpppq>
- Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Quran. (2012, September 24). Penerbit Al-Quran yang dikendalikan oleh Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Quran. *24 September 2012*.
- LPPPQ. (1988). *Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Teks Al-Quran 1986, Bil. 2/1988. hlm. 6. Bertarikh 14 Januari 1988*. KDN.
- LPPPQ. (2016). *Bil 4. Laporan Unit Pengurusan Operasi, Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga Pengawalan Dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an Bil. 87/3.2016 pada 31 Oktober 2016 Di Bilik Mesyuarat Perkasa, Aras 11, Blok D1, Kompelks D, Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya*. Putrajaya: KDN.
- LPPPQ. (2016). *Pembentangan Kertas Cadangan 3. Memperkemaskan Prosuder Permohonan Perakuan Betul Prof Akhir Teks Al-Quran. Mesyuarat LPPPQ. Bil.85/1.2016. Hlm. 2*. Putrajaya: KDN.
- LPPPQ. (2018, Januari 26). *Penjualan dan pengedaran mashaf al-Quran yang tidak mendapat perakuan LPPPQ*. Retrieved Januari 26, 2018, from <http://www.moha.gov.my: http://www.moha.gov.my/index.php/ms/kenyataan-media-kdn/2758-penjualan-dan-pengedaran-mashaf-al-quran-yang-tidak-mendapat-perakuan-lpppq>
- LPPQ. (1987). *Cabutan Minit Mesyuarat yang dikenali sebagai Peringatan Butir-Butir Mesyuarat Pertama Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Teks Al-Quran 1986, Bil. 1/1987*. Kuala Lumpur: KDN.
- MAMPU. (2017, Oktober 12). *Senarai kelulusan prof akhir teks Al Quran sehingga Julai 2017*. Retrieved April 27, 2019, from http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/senarai-permohonan-kelulusan-prof-akhir-teks-al-quran/resource/0f4b37bd-a1be-4cff-ac00-fdbded87e5eb: http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/senarai-permohonan-kelulusan-prof-akhir-teks-al-quran/resource/0f4b37bd-a1be-4cff-ac00-fdbded87e5eb
- Mohd Asmadi Yaakob. (2014). *Manuskrip al-Qur'an dan Ilmu-ilmunya (Ulum al-Qur'an) Di Alam Melayu: Tumpuan Terhadap Manuskrip Ilmu Tajwid*. Universiti Teknologi MARA, Pusat Kajian Manuskrip Alam Melayu (PUSKAM), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Shah Alam: Pusat Kajian Manuskrip Alam Melayu (PUSKAM), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA.
- Peraktoday. (2017, September 5). *Memantau kesilapan cetakan teks al-Quran*. Retrieved April 29, 2019, from <https://peraktoday.com.my: https://peraktoday.com.my/2017/09/memantau-kesilapan-cetakan-teks-al-quran/>
- Salman Zainal Abidin & Mazlan Ibrahim. (2018, Desember). Analisis Perbandingan Metode Hermeneutik Dan Tafsir Bi Al-Ra'yi Dalam Penafsiran Al-Qur'an. *Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues E-Issn 2550-1992, 3(2)*, 43-59.
- Umar Mukhtar, M. N. (2017, Februari 15). *Hukum menulis al-Quran menggunakan abjad roman latin*. Retrieved April 27, 2019, from <http://www.muftiwp.gov.my: http://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/1028-irsyad-al-fatwa-172-hukum-menulis-al-quran-menggunakan-abjad-roman-latin>